

Penggunaan dan pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam bidang Geosains - Pengalaman Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

MOHAMED Shah Abdullah, Pensyarah Geologi, Kajian Kejuruteraan, Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor

*Matapelajaran Geosains atau Geologi diajar pada Semester Ketiga, tahun Kedua, dalam Kursus Diploma Kejuruteraan Awam, yang dijalankan selama enam semester (tiga tahun). Setakat ini, matapelajaran Geologi telah diajar dalam Bahasa Malaysia selama dua semester. Walaupun tempoh pengalaman ini agak singkat, tetapi beberapa kesimpulan awal serta cadangan dapat dimajukan mengenai beberapa masalah yang timbul dalam proses penggunaan dan pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam bidang Geosains di Institut Teknologi MARA.*

\*\*\*\*\*